

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 DISEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 30

Ekonomi Malaysia berkembang sederhana pada 2023

Ekonomi Malaysia berkembang sederhana pada 2023

KUALA LUMPUR - Ekonomi Malaysia dijangka mula menyederhana berikutan kesan ketidakstabilan ekonomi global dalam beberapa bulan ke hadapan pada 2023, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM).

Memetik Tinjauan Ekonomi 2023 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, ekonomi Malaysia diunjurkan menyederhana antara 4.0 peratus dan 5.0 peratus pada tahun depan, sejajar dengan ramalan global Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Dalam laporan Tinjauan Ekonomi Dunia bagi Oktober 2022, IMF meramalkan bahawa ekonomi global akan berkembang meskipun pada kadar lebih perlahan sebanyak 2.7 peratus pada 2023.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata, pertumbuhan yang diunjurkan bagi rantau Asia telah disemak daripada 4.3 peratus kepada 4.2 peratus pada 2022 dan daripada 4.9 peratus kepada 4.6 peratus pada 2023 berdasarkan Suplemen Prospek Pembangunan Asia (ADO) Disember 2022.

"Ini berikutan sekatan pergerakan yang dilaksanakan semula di China, pencerobohan Rusia ke atas Ukraine dan pertumbuhan ekonomi global yang perlahan," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Mengenai prestasi makroekonomi terkini, Mohd Uzir berkata, berapa indikator utama terus mencatatkan aliran menaik berbanding Oktober tahun lepas berikutan prestasi jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 21.1 peratus kepada RM245.2 bilion daripada RM202.4 bilion pada Oktober 2021. - *Bernama*



Konflik di Eropah yang berlarutan, sekatan pergerakan semula di China serta ketidakstabilan ekonomi global terus mempengaruhi aliran semasa ekonomi Malaysia.